

27 JUN 1998

BN JAUH LEBIH DEMOKRATIK DARIPADA PARTI BERNAMA DEMOKRATIK: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata parti-parti komponen Barisan Nasional jauh lebih demokratik daripada sebuah parti yang menggunakan perkataan demokratik dalam namanya.

Perdana Menteri berkata contohnya dalam parti Gerakan terdapat kebebasan bersuara yang nyata sehingga kadangkala beliau sendiri teruk terkena oleh suara-suara itu.

"Dalam Umno lagi bebas...benda yang tidak betul pun boleh cakap," katanya disambut gelak ketawa kira-kira 1,800 hadirin ketika merasmikan persidangan perwakilan parti Gerakan di sini.

Namun katanya parti yang menggunakan nama demokratik itu tidak pun membenarkan anggota-anggotanya bercakap dan pemimpinnya pula tidak boleh ditukar.

"Katanya democratic action tapi actionnya (tindakan) tidak demokratik," katanya.

Menurutnya parti itu kononnya untuk semua kaum tetapi sebenarnya terbuka kepada satu keluarga sahaja.

Secara berjenaka Dr Mahathir menoleh kepada Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan bertanya sama ada beliau mempunyai anak yang dilantik menjadi pemimpin Gerakan.

"Kalau melihat kepada Kerk (Choo Ting, Timbalan Presiden Gerakan) saya susah nak katakan beliau anak Lim," katanya disambut gelak ketawa perwakilan parti itu.

-- BERNAMA

MNY RON